

PILIHAN DESTINASI PENGAJIAN PELAJAR ANTARABANGSA LUAR NEGARA: PENGARUH KEINSTITUSIAN

INTERNATIONAL STUDENT DESTINATION CHOICE: INSTITUTIONAL INFLUENCE

Irma Wani Othman
Herlina Jupiter
Muhammad Safuan Yusoff³
Hasbullah Awang⁴

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Tel: +6088320000
E-mail: iwoppib@gmail.com
^{2,3&4}Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan E-mail: herina@ums.edu.my

Accepted date: 2 February 2107, Published date: 31 March 2017

Abstrak: Usaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi menerusi program promosi dan pemasaran Malaysia sebagai hab pendidikan pengajian tinggi antarabangsa telah ditekankan menerusi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Hal ini kerana, kemasukan pelajar antarabangsa ke dalam negara bukan sahaja membantu pertumbuhan ekonomi tetapi kemahiran, keupayaan penyelidikan tertinggi, pelbagai idea dan penyelesaian inovatif daripada pelajar antarabangsa tersebut mampu menyumbang kepada peningkatan nilai sesebuah universiti yang bertaraf antarabangsa. Kajian ini bermatlamat untuk mengenalpasti motif dan faktor institusi yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara. Selain itu, perancangan strategi pemasaran dan promosi universiti dalam merealisasikan usaha peningkatan pelajar antarabangsa turut dibincangkan dengan melihat perkaitannya dengan faktor institusi. Adalah menjadi harapan agar kajian ini memberi idea dan maklumat berguna kepada universiti dalam mencapai status “world class university” disamping memperbaiki tahap kualiti pengajian tinggi negara.

Kata Kunci: Pelajar Antarabangsa, Pengaruh Institusi, Pemilihan Destinasi Pengajian

Abstract: *Efforts to increase the number of international students in higher education institutions through the promotion and marketing of Malaysia as the international hub of higher education has been emphasized by the National Higher Education Strategic Plan. This is because, the entry of international students into the country not only to economic growth but the skill, the highest research capabilities, a variety of innovative ideas and solutions from international students are able to contribute to an increase in the value of a university of international standing. This study aims to identify the motives and institutional factors that influence the decision of the international students in the selection of study abroad destinations. In addition, planning marketing strategies and promotion of the university to realize enhancement of international students was also discussed by looking at its relationship with the institution. It is hoped that this study gives useful ideas and information to universities in achieving the status of "world class university" in addition to improving the quality of higher education.*

Keywords: International Students, Institutional Influence, Study Destination Selection

Pengenalan

Saiz pasaran bagi sektor pendidikan antarabangsa adalah dilihat dari segi bilangan pelajar antarabangsa yang meninggalkan negara asal mereka dan berpindah ke negara lain untuk tujuan pendidikan. Diramalkan bahawa permintaan untuk pendidikan antarabangsa bakal meningkat daripada 1.8 juta pelajar antarabangsa pada tahun 2000 kepada 7.2 juta menjelang tahun 2025 (Böhm, Davis, Meares & Pearce, 2002). Kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi dalam sesebuah negara dilihat sebagai salah satu saluran utama yang mampu meningkatkan sumber pendapatan negara serta taraf pengantarabangsaannya di persada dunia. Di negara-negara asia seperti negara China adalah salah satu contoh negara yang menggunakan pendidikan antarabangsa untuk memajukan kesedaran serta mengekalkan semangat daya saing di arena antarabangsa.(China Daily, 2012).

Negara Malaysia juga turut menekankan peranan institusi pendidikan tinggi melalui Lonjakan 5 PPPM (PT) iaitu kemapanan kewangan di mana IPT Malaysia disarankan untuk berusaha dan menggunakan pelbagai alternatif bagi menjana sumber pendapatan tambahan (Peruntukan Bajet UA, 2017). Sehubungan itu, bagi menyahut saranan tersebut, institusi pendidikan tinggi dalam negara wajar menggunakan objektif pendidikan antarabangsa dengan merangka strategi dan perancangan yang inovatif dalam meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa sekaligus menyumbang kepada penambahan dana dan sumber kewangan.

Dalam laporan Program Transformasi Negara (NTP) 2015, dikatakan bahawa jumlah kemasukan pelajar antarabangsa di Malaysia telah meningkat daripada 140,420 pelajar yang diterima masuk, 113,711 ialah pelajar institusi pengajian tinggi dan selebihnya ada pelajar

sekolah swasta dan antarabangsa. Peningkatan ini merupakan suatu indikasi positif yang menjadikan Malaysia sebagai tumpuan pendidikan dan digemari oleh pelajar antarabangsa khususnya dari negara-negara Asia dan Asia Barat (Berita RTM, 2016) . Oleh yang demikian, usaha untuk meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa di negara ini seharusnya digandakan demi mencapai status universiti bertaraf dunia. Namun demikian, strategi pengantarabangsaan dan promosi yang berkesan amatlah diperlukan bagi meneruskan usaha tersebut, dan memahami faktor-faktor kedatangan pelajar antarabangsa ke dalam negara sebenarnya memberi sumbangan yang besar.

Melalui kertas konsep ini faktor-faktor yang melibatkan institusi serta universiti yang mempengaruhi keputusan pemilihan seseorang pelajar antarabangsa terhadap destinasi pengajian mereka di luar negara akan dibincangkan. Kajian dilakukan untuk memahami faktor – faktor terlibat dan merungkaikan kepentingan memahami faktor berkenaan agar mencambah idea dalam perancangan strategi serta promosi sesebuah universiti secara global.

Selain itu juga, kertas konsep ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan seperti:-

- (a) Apakah penyebab kedatangan dan pemilihan destinasi pengajian di luar negara oleh pelajar antarabangsa dan perkaitannya dengan pengaruh institusi?
- (b) Bagaimanakah pengetahuan berkenaan faktor institusi dapat diaplikasikan oleh universiti dalam memformulasikan strategi dan promosi peningkatan pelajar antarabangsa?

Signifikan Kajian

Kajian ini menyumbang kepada pemahaman terhadap faktor institusi/universiti yang mempengaruhi pemilihan negara bagi pelajar antarabangsa. Eksplorasi dalam kajian ini memberi pengetahuan berkenaan aspek teoritikal pemilihan destinasi pengajian luar negara dan mempraktiskannya di peringkat universiti dan dalam sektor pendidikan tinggi. Antara faktor institusi yang dikenalpasti termasuklah kemudahan akses terhadap maklumat universiti, jalinan kerjasama universiti bersama dengan agensi, persepsi terhadap kualiti dan sistem pendidikan di luar negara yang lebih tinggi, reputasi institusi itu sendiri, penawaran program dan kursus yang menarik, persekitaran universiti yang kondusif dan bersifat antarabangsa serta latar belakang tenaga pengajar yang mendapat pengiktirafan.

Skop Kajian

Skop kajian dalam kertas konsep ini adalah menjerumus kepada pelajar-pelajar antarabangsa dan faktor-faktor berkaitan institusi serta universiti yang mempengaruhi keputusan mereka untuk memilih destinasi pengajian di luar negara khususnya negara Malaysia.

Sorotan Literatur

Perkembangan pendidikan bertaraf antarabangsa ini telah membuka banyak ruang kepada pelajar-pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Proses pemilihan destinasi pengajian tinggi memerlukan pertimbangan yang wajar agar pelajar tidak berasa menyesal tetapi memperolehi ilmu dan manfaat berdasarkan keputusan yang telah dibuat.

Tambahan pula, pelbagai universiti dari pelbagai negara menawarkan program-program yang berkualiti dan berdaya saing bagi menarik perhatian pelajar untuk melanjutkan pelajaran.

Salah satu faktor utama yang sangat mempengaruhi keputusan pelajar adalah pengaruh institusi itu sendiri. Kedudukan sesebuah institusi pengajian tinggi merupakan faktor pendorong terhadap pemilihan tempat pengajian. Institusi yang terkenal dalam sesebuah bidang atau jurusan akan menjadi pilihan dan tumpuan bagi kebanyakan pelajar (Nadzri Mohamad, 2002). Menurut sarjana Mazzarol & Soutar (2002) reputasi dan kualiti sesebuah institusi di negara tuan rumah mampu menarik dan mempengaruhi keputusan seseorang pelajar untuk memilih destinasi pengajian. Pandangan tersebut disokong oleh sarjana Gurman dan Miaoulis (2003) yang mengatakan bahawa imej positif institusi adalah pengaruh kuat terhadap pelajar dalam membuat keputusan untuk mengikuti program di institusi luar negara.

Terdapat beberapa ciri-ciri perkhidmatan dalam sesebuah institusi yang menyebabkan pelajar menganalisis elemen secara tidak langsung sewaktu menilai perkhidmatan tersebut. Pemilihan institusi ini ditentukan oleh pelbagai faktor iaitu reputasi akademik institusi, kualiti dan kepakaran fakulti, daya tarikan dan atmosfera kampus (Krampf dan Heinlein, 1981; Lin, 1997; Mazzarol, 1998; Soutar dan Turner, 2002). Pengetahuan dan tanggapan pelajar terhadap sesebuah institusi itu kebanyakannya diperolehi dari mulut ke mulut, pengalaman lepas dan aktiviti promosi institusi berkenaan (Ivy, 2001). Oleh itu, pelajar cenderung untuk menjadi lebih kritikal dan analitikal dalam memilih destinasi pengajian mereka (Binsardi & Ekwulugo, 2003). Disebabkan kecekapan yang semakin meningkat dalam pendidikan antarabangsa, institusi perlu mengekalkan dan membangunkan imej tersendiri untuk mencapai kelebihan daya saing. Melalui cara ini, kualiti reputasi dan penjenamaan menjadi dua sumber utama yang perlu dititikberatkan (Hall, 1993; Qureshi, 1995; Mazzarol, 1998; Bourke, 2000). Selain itu juga, pengiktirafan sesebuah institusi atau universiti memberi impak positif terhadap pemilihan pelajar, hal ini selari dengan pandangan sarjana Yuzainee (2011) bahawa pelajar mengutamakan kualiti sesebuah universiti dan pengiktirafan oleh badan-badan akreditasi bagi menjamin kebolehpasaran, kemudahpasaran dan masa depan mereka setelah tamat pengajian.

Sementara itu, faktor institusi turut berkait rapat dengan penawaran program dan kursus kepada pelajar antarabangsa. Program yang bersifat versatail dan kontemporari berupaya menarik minat pelajar antarabangsa ketika melakukan pemilihan destinasi pengajian mereka (Maringe, 2006; Bodycott, 2009). Secara am, dengan adanya kursus yang dikehendaki di sesebuah universiti menjadi faktor paling penting sewaktu pelajar memilih universiti destinasi. Walau bagaimanapun, kos untuk ke univesiti adalah sangat berpengaruh dalam memilih universiti yang menawarkan kursus yang sama (Price *et.al*, 2003). Menariknya adalah kajian daripada sarjana Maringe (2006) melalui hasil dapatannya yang mencadangkan bahawa sebab utama pelajar antarabangsa memilih kursus dan subjek kajian tidak lagi berkaitan dengan motif intrinsik atau minat terhadap kursus dalam pengajian. Mereka juga bukan lagi pelajar yang pasif tetapi mereka mula memfokuskan kepada institusi pengajian tinggi sebagai pelaburan kerjaya. Kesilapan dalam memilih kursus dan pusat pengajian boleh memberi kesan kepada masa depan pelajar, justeru pelajar perlu mengambil kira semua aspek pemilihan kursus pengajian dan pusat pengajian mereka (Nurzatil *et.al*; 2015)

Di samping itu, kemudahan fasiliti institusi dan persekitaran universiti turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian bagi

seseorang pelajar antarabangsa. Dikatakan bahawa ciri-ciri pelajar seperti matlamat peribadi, kebolehan, nilai-nilai, harus sesuai dengan keupayaan institusi untuk bertindak balas secukupnya kepada ciri-ciri tersebut. Hal ini kerana ianya akhirnya membawa kepada peningkatan kepuasan pelajar, pencapaian akademik dan peningkatan enrolmen. Ciri-ciri persekitaran universiti yang boleh bertindak balas dengan ciri-ciri pelajar adalah merangkumi fizikal, akademik, psikologi dan sosial di mana pengurusan fasiliti ini memberi impak yang tinggi. Hasil daripada interaksi pelajar dengan persekitaran dan fasiliti ini memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar, kepuasan dan ketekunan dalam pengajian (Price, Matzdorf, Smith & Agahi, 2003).


Sejajar dengan itu, pengetahuan dan maklumat terhadap sesebuah institusi itu sendiri mampu mempengaruhi keputusan pelajar dan saluran yang tepat perlulah digunakan untuk mendapatkan informasi berkenaan institusi tersebut. Realitinya, masih terdapat segelintir besar pelajar yang mempunyai pengetahuan terhad dalam memilih kursus yang ingin diikuti dan bersesuaian dengan prospek kerjaya yang dipilih mengikut program tertentu (Maringe, 2006). Tidak kurang pula terdapat pelajar yang mempunyai sedikit pengetahuan berhubung kualiti pendidikan universiti-universiti di luar negara. Maka wujudlah keperluan yang kritikal dalam mendidik serta memberi maklumat kepada pelajar untuk membuat keputusan yang bijak sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara (Mazzarol & Soutar, 2000; Groms & Murphy, 2003; Herlina Jupiter, Irma Wani Othman, Muhammad. Safuan Yusoff, & Hasbullah Awang 2016).

Jadual 1: Faktor institusi yang dikenalpasti dalam literatur yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara

Faktor Institusi	Para Penyelidik
Kekurangan akses informasi berkenaan institusi pengajian tinggi	McMahon, 1992; Mazzarol & Soutar, 2002; Maringe & Carter, 2007; Bodycott, 2009;
Kolaborasi dengan agensi	Cheung, Yuen, Yuen & Cheng, 2011
Fasiliti Institusi	Price, Matzdorf, Smith & Agahi, 2003; Bodycott, 2009
Persepsi terhadap kualiti sistem Pendidikan Tinggi luar negara yang lebih baik	Mazzarol & Soutar, 2002; Chen & Zimitat, 2006; Counsell, 2011
Reputasi kualiti institusi negara tuan rumah	Mazzarol & Soutar, 2002; Soutar & Turner, 2002; Cubillo, Sánchez & Cerviño, 2006; Maringe, 2006; Soo & Elliott, 2008; Bodycott, 2009; Eder, Smith & Pitts, 2010;

	Petruzzellis & Romanazzi, 2010
Penawaran kursus	Mazzarol & Soutar, 2002; Pimpa, 2003; Maringe, 2006; Eder, Smith & Pitts, 2010; Petruzzellis & Romanazzi, 2010
Persekitaran Universiti	Price, Matzdorf, Smith & Agahi, 2003; Maringe & Carter, 2007; Bodycott, 2009
Latarbelakang pendidikan dan pengiktirafan kakitangan	Mazzarol & Soutar, 2002; Soutar & Turner, 2002; Maringe, 2006

Rajah 1: Faktor institusi dan pembolehubah yang dikenalpasti dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara.



Kaedah Penyelidikan

Dalam kertas konsep ini, kaedah penyelidikan yang dirancang untuk digunakan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pendekatan temubual yang boleh mengukuhkan lagi kajian ini. Kaedah kualitatif ini bersifat penerokaan kajian dan berorientasikan penemuan kaedah terbuka yang sesuai untuk memperlihatkan kepercayaan daripada responden (Rubin & Rubin, 2005; Norazah Mohd Suki, 2014). Responden adalah terdiri daripada 30 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang sedang menuntut dalam institusi pengajian tinggi tempatan sekurang-kurangnya selama setahun. Pendekatan temubual bersama responden dijalankan bagi pengumpulan data yang berkaitan dalam mengenalpasti faktor-faktor institusi terlibat. Hasil daripada catatan transkrip temubual serta rakaman perbualan akan dianalisis menggunakan analisa tematik bagi mengumpulkan data-data induktif berkaitan dengan tema dan konsep yang telah dibina.

Kerangka Teoritik

Kajian ini menggunakan Teori "Push-Pull" Factors daripada Mazzarol dan Soutar sebagai asas kerangka konseptual kerana fleksibiliti dan menggambarkan secara menyeluruh terhadap pengaruh-pengaruh dalam pemilihan destinasi pengajian bagi pelajar antarabangsa. Menurut teori ini, proses pembuatan keputusan oleh pelajar antarabangsa untuk memilih destinasi pengajian muktamad mereka melibatkan tiga fasa utama. Fasa pertama adalah dimana pelajar membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara berbanding kekal belajar di dalam negara asal. Fasa ini akan dipengaruhi oleh faktor penolakan yang wujud dalam negara asal mereka. Manakala, fasa kedua adalah peringkat di mana faktor penarikan menjadi faktor penting apabila negara destinasi mempunyai daya tarikan yang lebih. Pada fasa ketiga, pelajar akan membuat pemilihan institusi di luar negara. Mazzarol dan Soutar (2002) turut menemui enam faktor utama yang mempengaruhi pemilihan negara destinasi pengajian antaranya termasuklah, pengetahuan dan kesedaran, rekomendasi peribadi, isu kos, persekitaran, jaringan sosial dan kedudukan geografi negara. Kesemua faktor ini amat penting bagi memahami pengaruh-pengaruh yang memotivasikan pemilihan seseorang pelajar terhadap negara destinasi pengajian mereka.

Perbincangan

Merujuk kepada Rajah.1, iaitu faktor institusi dan pembolehubah yang dikenalpasti dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara, kita dapat melihat bahawa pengaruh institusi adalah pengaruh dominan dalam pembuatan keputusan oleh pelajar. Oleh yang demikian, universiti seharusnya memanipulasikan pembolehubah tersebut dan mengaplikasikannya dalam perancangan strategi pengantarabangsaan dan promosi bagi meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke dalam negara.

Institusi perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan imej korporat dengan mengambil kira kedudukan ranking, reputasi akademik, penyelidikan, kualiti dan sebagainya. Ini kerana, imej berprestij sesebuah institusi dan negara dalam pendidikan tinggi mampu memberi kepercayaan kepada pelajar antarabangsa bahawa sektor pendidikan tinggi di negara destinasi tersebut adalah berkualiti tinggi (Bourke, 2000). Kepentingan hubungan antara sesebuah universiti dan agensi juga memberi kesan kepada peningkatan imej dan oleh itu, usaha

peningkatan tersebut seharusnya ditambah dengan memberi fokus kepada keterlihatannya di peringkat antarabangsa.

Di peringkat fakulti pula, dengan kepakaran sumber tenaga pengajar yang diiktiraf serta keberadaan tenaga pengajar profesional yang berpengalaman luas turut boleh dimanipulasikan secara positif untuk menarik minat pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran di institusi terlibat. Bidang kepakaran universiti yang wujud dalam penyelidikan sudah tentu memberi manfaat dan berupaya memberikan peluang kerjaya apabila pelajar kembali ke tanah air kelak. Saranan daripada ahli akademik yang terdiri daripada profesor dan pensyarah juga boleh mengubah keputusan pemilihan pelajar kerana saranan daripada golongan ini dilihat mempunyai nilai tinggi, kredibiliti yang mampu melahirkan keyakinan dan kepercayaan pelajar terhadap sesebuah universiti.

Manakala, persekitaran pembelajaran bertaraf antarabangsa dan fasiliti yang disediakan sememangnya merupakan elemen kritikal yang akan dipertimbangkan oleh pelajar dalam pemilihan negara destinasi mereka. Sesebuah universiti yang bermatlamat untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa ini seharusnya mengambil alternatif untuk menarik minat pelajar dari pelbagai diversiti budaya dengan mewujudkan sistem berciri global, terkini dan mesra pengguna serta boleh diakses dan difahami oleh pelajar antarabangsa. Salah satu contohnya adalah sistem maklumat pelajar dan penjadualan kuliah dalam bahasa yang berbeza. Oleh itu, isu seperti jurang budaya berubah menjadi tarikan kepada pelajar baru untuk merasai pengalaman dalam budaya negara tuan rumah serta memberi perspektif budaya berbeza dalam suasana pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa dan menjadikan sebagai suatu kelebihan bagi pelajar melakukan pemilihan negara destinasi pilihan mereka (Lustig dan Koester, 2006; Lee dan Morrish, 2012).

Melalui program dan kursus yang ditawarkan, institusi boleh mempengaruhi pemilihan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di negara destinasi. Kebiasaannya, pelajar merujuk kepada sesebuah program dan kursus yang mempunyai kandungan kritis, komprehensif serta menepati kehendak pasaran dan keperluan pekerjaan. Penawaran program - program yang menarik dan unik berdasarkan '*niche area*' sesebuah universiti mampu mendorong kepada kemasukan pelajar antarabangsa ke dalam negara. Selain itu, program yang melibatkan industri luar seperti latihan industri dan '*attachment*' memberi nilai tambah kepada seseorang pelajar.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kertas konsep ini mengenalpasti pengaruh institusi dalam pembuatan keputusan seseorang pelajar untuk memilih destinasi pengajian di luar negara. Pemilihan destinasi pengajian yang tepat untuk melanjutkan pelajaran merupakan suatu perkara penting kepada seseorang pelajar bahkan kritikal kepada institusi pendidikan yang mempunyai visi dan misi menjadi "*world class university*". Bagi menyahut seruan kerajaan Malaysia untuk mempergiatkan pengantarabangsaan dalam sektor pengajian tinggi, strategi pemasaran dan perancangan promosi yang lebih kreatif perlulah dilaksanakan. Oleh itu, melalui kertas konsep ini diharapkan agar memahami faktor -faktor institusi dan pembolehubah yang berkaitan, mampu memberi idea dan pengetahuan yang boleh diserapkan dalam perancangan tersebut.

Rujukan

- Berita RTM (2016) "Kemasukan Pelajar Antarabangsa Meningkatkan". Retrived from <http://berita.rtm.gov.my/index.php/ekonomi/4952-kemasukan-pelajar-antarabangsa-meningkat> [diakses pada 15 Januari 2017]
- Böhm, A., Davis, T., Meares, D., & Pearce, D. (2002). "Global student mobility 2025 *Forecasts of the global demand for international higher education*". Retrieved from http://www.chinadaily.com.cn/china/2012-08/30/content_15718171.htmhttp://www.aiec.idp.com/pdf/Bohm_2025Media_p.pdf
- Binsardi, A. and Ekwulugo, F. (2003), "International marketing of British education: *research on the students' perception and the UK market penetration*", Marketing Intelligence & Planning, Vol. 21 No. 5, pp. 318 27.
- Bourke, A. (2000), "A model of the determinants of international trade in higher education", The Service Industries Journal, Vol. 20 No. 1, pp. 110 38.
- Bodycott, P. 2009. "Choosing a Higher Education Study Abroad Destination – What Mainland Chinese Parents and Students Rates as Important". Journal of Research in International Education, Vol. 8(3), 349-373.
- China Daily. (2012). "Incentives to attract foreign students". Retrieved from http://www.chinadaily.com.cn/china/2012-08/30/content_15718171.htm
- Cubillo, J.M., Sánchez, J., & Cerviño, J. (2006). *International students' decision-making process*. International Journal of Educational Management, Vol. 20(2), 101-115
- Gutman, J. and Miaoulis, G. (2003), "Communicating a quality position in service delivery: an application in higher education", Managing Service Quality, Vol. 13 No. 2, pp. 105 11.
- Hall, R. (1993), "A framework linking intangible resources an capabilities to sustainable competitive advantage", Strategic Management Journal, Vol. 14, pp. 607 18.
- Herlina J., Irma wani O, Muhammad Safuan Y., Hasbullah A. (2016) "Faktor Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsadalam Pemilihan Destinasi Pengajian Luar Negara" International Conference on Social and Economic Development.
- Ivy, J. (2001), "Higher education institution image: a correspondence analysis approach", The International Journal of Educational Management, Vol. 15 Nos 6/7, pp. 276 82.
- Krampf, R.F. and Heinlein, A.C. (1981), "Developing marketing strategies and tactics in higher education through target market research", Decision Sciences, Vol. 12 No. 2, pp. 175 93.
- Mazzarol, T., Kemp, S., and Savery, L. (1997). "International Students who choose not to study in Australia: An Examination of Taiwan and Indonesia". Canberra, Australian International Education Foundation.
- Lin, L. (1997), "What are student education and educational related needs?", Marketing and Research Today, Vol. 25 No. 3, pp. 199 212.
- Lee, C.K.C., and Morrish, S.C. 2012. "Cultural Values and Higher Education Choices: Chinese Familie"s. Australasian Marketing Journal 20, 59-64.
- Lustig, M.W. and Koester, J. (2006). "Intercultural Competence – Interpersonal Communication Across Cultures" (5th ed.). Boston: Pearson Education, Inc.
- Maringe, F. (2006). *University and Course Choice: Implications for Positioning, Recruitment and Marketing*. International Journal of Educational Management, Vol. 20(6), 466-479.
- Mazzarol, T. (1998), "Critical success factors for international education marketing", The

- International Journal of Educational Management, Vol. 12 No. 4, pp. 163-75.
- Mazzarol, T., and Soutar, G.N. (2002). *Push-Pull Factors Influencing International Student Destination Choice*. International Journal of Educational Management, Vol. 16(2), 82-90.
- M.Y Yuzainee, M.Z Omar, A.Zaharim (2011). *"Employability Skills for an Entry-Level Engineer as seen by Malaysian Employers"*. Global Engineering Education Conference (EDUCON), 2011 IEEE, pp. 81-85
- Norazah M.S, Irma Wani O., Muhammad Safuan Y., Norbayah M.S (2014). *"Budaya Dan Pengembaraan Sebagai Pendorong Pemilihan Kerjaya di Universiti Malaysia Sabah"*. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, Vol. 8, 2014, pp. 73-86
- Nurzatil I.A, Zanariah D, Nazneen I, Sahlawati A.B (2015). *"Faktor - faktor yang mendorong pemilihan institusi pengajian tinggi di kalangan pelajar"*. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, pp. 567-571
- Nadzri Bin Mohamad, Abu Othman bin Md. Tap, (2002), *"Keutamaan pemilihan bidang dan tempat pengajian: pendekatan konjoin kabur, dalam jurnal teknologi maklumat dan sains kuantitatif"*. Universiti Teknologi Mara
- Payne, K. A. (2010). *"Domestic travel by international students in New Zealand"* (Unpublished master's dissertation). School of Tourism and Hospitality Management, Southern Cross University, New South Wales, Australia.
- Price, I., Matzdorf F., Smith L., Agahi.L (2003), *"The impact of facilities on student choice of university"*. Vol 21., No.10, pp.212-222
- Peruntukan Bajet UA (2017). *"Peruntukan Bajet 2017 Untuk Perbelanjaan Pembangunan Universiti Awam Meningkatkan"*. Retrived from <https://www.mohe.gov.my/kenyataan-akhbar/427-peruntukan-bajet-2017-untuk-perbelanjaan-pembangunan-universiti-awam-meningkat>
- Qureshi, S. (1995), *"College accession research: New variables in an old equation"*, Journal of Professional Services Marketing, Vol. 12 No. 2, pp. 163-70.
- Rubin, H. J. and Rubin, I. S. 2005. *Qualitative Interviewing: The art of hearing data* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Soutar, G.N. and Turner, J.P. (2002), *"Students' preferences for university: a conjoint analysis"*, The International Journal of Educational Management, Vol. 16 No. 1, pp. 40-5.